

31/07/2002

KSN yakin sistem baru tingkat motivasi pekerja

GEORGETOWN, Selasa - Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman, yakin Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang akan dilaksanakan mulai 1 November depan, menggantikan Sistem Saraan Baru (SSB), mampu meningkatkan motivasi anggota perkhidmatan awam.

Katanya, SSM mampu menilai kemajuan kakitangan berdasarkan kepada kecekapan dan pengetahuan seseorang sebelum dapat dipertimbangkan untuk kenaikan gaji dan pangkat.

Beliau berkata, SSM akan membolehkan kakitangan perkhidmatan awam majukan diri dan kerjaya masing-masing.

"Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana kesediaan memperkenalkan SSM," katanya mengulas langkah kerajaan melaksanakan SSM bagi menggantikan SSB mulai 1 November depan.

Beliau berkata demikian dalam pada akhbar selepas menghadiri sesi khas bersama beliau sempena Konvensyen Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) di Hotel Equatorial di sini, hari ini.

Sementara itu, kakitangan perkhidmatan awam percaya SSM akan memberikan mereka insentif menarik serta sistem penilaian prestasi yang lebih telus dan adil.

Tinjauan Berita Harian di ibu negara hari ini mendapati kakitangan berkenaan menyambut baik tambahan insentif dalam tangga gaji serta pengembangan kerjaya seperti diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Kakitangan Kementerian Pendidikan, Sharifah Zuraimah Mohd, 39, berkata sistem penilaian prestasi SSM yang baru mampu mengembalikan keyakinan anggota awam yang sebelum ini menyifatkan SSB tidak telus dan terdedah kepada sikap pilih kasih ketua jabatan.

"Kini mereka (ketua jabatan) tiada hak mutlak dalam membuat penilaian terhadap kakitangan sebaliknya tahap kecekapan dan kemajuan kerjaya pekerja turut membabitkan peperiksaan dan kursus yang diwajibkan," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Semalam, Dr Mahathir ketika mengumumkan penggantian SSB kepada SSM berkata, sistem baru ini akan memberi lebih banyak faedah terutama meningkatkan kecekapan dan pengetahuan serta peluang pengembangan kerjaya pada kira-kira 950,000 kakitangan awam di seluruh negara.

Serentak itu, dua cara pergerakan gaji diperkenalkan iaitu Pergerakan Gaji Biasa dan Anjakan Gaji.

Bagi tahun depan, semua anggota perkhidmatan awam diberi Pergerakan Gaji Biasa manakala anjakan gaji berdasarkan Penilaian Tahap Kecekapan yang dihasilkan pada 2003 dilaksanakan mulai 2004.

Di KUALA TERENGGANU, Pegawai Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Amran Daud, berkata SSM membuktikan kesungguhan kerajaan melahirkan kakitangan cekap dan berpengetahuan kerana kenaikan lebih banyak bergantung kepada peperiksaan serta kursus.

Pegawai di bahagian yang sama, Muda Abdullah, 48, berkata, dalam SSB, kakitangan tidak tahu apa penilaian yang dibuat ketua jabatan masing-masing tetapi menerusi SSM, penentuan kenaikan gaji kakitangan bergantung kepada kecekapan dan pengetahuan.

Di KOTA KINABALU, Pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah, Low Swee Hon, berkata SSM adalah satu alternatif baik bagi menilai tahap kecekapan kakitangan

kerajaan.

"Sistem baru ini memberi kepuasan kepada orang ramai dan tidak ada yang perlu dipertikaikan," katanya.

Di IPOH, Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata penjawat awam diharap dapat menerima SSM yang dilihat menekankan aspek penilaian secara objektif dan bukannya subjektif seperti yang dilaksanakan melalui SSB.

"Skim seperti SSM bukan lagi dianggap sebagai suatu hadiah, malah bonus kepada penjawat awam," katanya selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Pidato Piala Menteri Besar di sini, hari ini.

Di JOHOR BAHRU, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kempas, Osman Sopian, berkata pelaksanaan SSM menjurus kepada peningkatan sistem pengurusan kerjaya kakitangan jabatan kerajaan membabitkan semua peringkat jawatan.

Di KOTA BHARU, Pegawai Pengembangan Koperasi, Jabatan Pembangunan Koperasi Pasir Mas, Mohd Adnan Abdul Rahman, 36, berkata sistem baru itu memberi peluang kepada penjawat pelbagai pangkat untuk menikmati kenaikan pangkat dan gaji.

Di ALOR STAR, Pembantu Perangkaan Jabatan Perangkaan, Mohd Rizal Ramli yakin SSM lebih telus dalam menilai prestasi kerana ia tidak membabitkan perakuan ketua jabatan saja sebaliknya melalui peperiksaan dan kursus yang diwajibkan.